

Fiesta SelangorFM di Bandar Tasik Kesuma hari ini

KUALA LUMPUR 25 Mac - Penduduk sekitar kawasan Semenyih, Selangor diundang untuk memeriahkan Fiesta SelangorFM di Padang Permainan Fasa 6, Bandar Tasik Kesuma esok.

Pelbagai aktiviti menarik dirancang sepanjang sambutan yang bermula seawal 8 pagi sehingga 12 tengah malam itu seperti pertandingan

Bintang P. Ramlee/Saloma, latihan kemahiran bersama Kolej Komuniti Hulu Langat dan program kesihatan bersama penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Turut diadakan pertandingan sukaneka dan Celik IT Tadika Kemas dan Perpaduan selain daftar pemilih dan pengundi baharu serta

peluang untuk para hadirin memenangi 100 cabutan bertuah.

Pengunjung akan dihiburkan dengan persembahan Azlan Typewriter, Nizam Laksamana, Razis Ismail, Farawahida dan artis kelahiran SelangorFM, Quryakin.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi 03-87232477/78.